

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 08/08/2007

Sikap murah hati Abdullah terhadap Dr. M disenangi delegasi

UM - 8/8/2007

LANGKAWI 7 Ogos - Jika ada perkara yang menyenangkan para pemimpin dan delegasi yang menghadiri Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) yang sedang berlangsung ketika ini, pastinya ialah sikap murah hati Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Hari ini, meskipun dijemput oleh Raja Swaziland King Mswati III untuk berucap, Abdullah sebaliknya memberikan peluang itu kepada mantan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad, memandangkan pengetahuan meluasnya mengenai kemiskinan untuk mengajukan idea-idea.

Sikap murah hati beliau itu bukan sahaja mengejutkan para delegasi malah wartawan yang membuat liputan dialog tersebut yang kemudiannya bergegas mengalih tumpuan mereka kepada Dr. Mahathir.

Ia menyerlahkan sifat luhur Perdana Menteri meskipun Dr. Mahathir sentiasa lantang mengkritik dasar-dasar tertentu kerajaan, kritikan yang kadang-kadang menyentuh peribadi.

Sikap baik hati Abdullah itu sudah terserlah sejak hari pertama lagi semasa majlis perasmian LID pada malam Isnin lepas apabila beliau mengumumkan kepada hadirin bahawa ulang tahun perkahwinan ke-51 Dr. Mahathir dan isterinya, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd Ali jatuh pada hari tersebut.

Para pemimpin dan delegasi yang terkejut dengan pengumuman itu lantas memberikan tepukan gemuruh mereka kepada pasangan tersebut dengan Dr. Mahathir kemudiannya memberitahu pemberita bahawa beliau gembira dan berterima kasih dengan ucapan tahniah daripada Perdana Menteri itu.

Abdullah juga memberitahu hadirin bahawa pasangan tersebut telah memberi sumbangan besar bukan sahaja kepada negara tetapi juga komuniti LID.

Dr. Mahathir dan juga Dr. Siti Hasmah turut berminat terlibat dalam sesi perangkaian dan interaktif LID.

Apabila diberi peluang oleh Abdullah, Dr. Mahathir tanpa membuang masa terus menyuarakan pandangannya yang menyelar Barat kerana tidak memberi ganti rugi kepada negara-negara miskin apabila berlaku 'penghijrahan cerdik pandai' ke negara-negara kaya.

Menyifatkan 'cerdik pandai terbaik' negara-negara miskin sebagai Hak Harta Intelektual (IPR) mereka, beliau berkata: "Mereka (negara kaya) merompak daripada kita, tetapi tidak membayar kita," kesimpulan bahawa negara-negara miskin terpaksa membayar harga yang mahal untuk perubatan yang dikaji selidik oleh mereka yang berasal dari negara-negara miskin tetapi dengan paten yang dipegang oleh Barat.

Abdullah meluangkan masa untuk mengadakan pertemuan dua hala dengan Presiden Uganda, Yoweri Museveni, Perdana Menteri Lesotho, Pakalitha Mosisili, Presiden Sudan, Jeneral Omar Hassan Ahmed Al-Bashir dan Presiden Zimbabwe, Robert Mugabe.

Beliau juga dijadual menemui Perdana Menteri St Vincent and Grenadines, Dr. Ralph E. Gonsalves serta Presiden Zambia, Levy Patrick Mwanawasa.

- Bernama